

17 FEB 2003

NAM-Mahathir (Iraq) (EMBARGO: jam 2100/17 FEB)

NAM SERTAI GERAKAN DUNIA MENENTANG PEPERANGAN, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 17 Feb (Bernama) -- Tindakan Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) menyertai gerakan dunia menentang peperangan di Iraq boleh mempengaruhi keputusan kuasa-kuasa besar hendak menyerang negara itu, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri berkata sekarang Amerika Syarikat dan Britain terpaksa mengambil kira tentangan dan tunjuk perasaan di seluruh dunia membantah peperangan itu.

"Kita tidak ada kekuatan ketenteraan dan kewangan tetapi kita boleh menyertai gerakan dunia menentang secara moral tentang betapa buruknya peperangan digunakan untuk menyelesaikan sesuatu masalah," katanya dalam Program Bersama Perdana Menteri menjelang Sidang Kemuncak NAM ke-13 yang disiarkan Radio dan Televisyen Malaysia (RTM) malam ini.

Beliau berkata kuasa-kuasa besar jarang sekali mahu mendengar suara NAM tetapi mahu tidak mahu mereka terpaksa mendengar suara NAM kali ini berikutan seluruh dunia membantah peperangan itu.

Dr Mahathir berkata suara anggota NAM secara bersendirian mungkin kurang berkesan tetapi suara dan pendirian mereka secara bersama boleh menjadi berkesan dalam menghadapi isu Iraq tersebut.

Program selama sejam itu dipengerusikan oleh Penolong Pengawal Berita RTM Haji Monshi Abdullah dan anggota panelnya terdiri daripada Pengarang Eksekutif The Star Datuk Wong Chun Wai dan Pengarang Berita Utusan Malaysia Zaini Hassan.

Dr Mahathir berkata salah satu tumpuan sidang kemuncak NAM kali ini ialah ia tidak mahu negara-negara besar menggunakan tindakan ketenteraan untuk mengubah sesuatu kerajaan yang tidak disukainya.

"Kita tidak bersetuju kerajaan sesebuah negara yang tidak sesuai dengan negara-negara besar ditukar secara ketenteraan melalui serangan terlebih dahulu. Jika perkara ini dibenarkan berlaku, mungkin negara-negara lain pun akan menerima nasib yang sama kelak," katanya.

Beliau berkata NAM masih mempunyai peranan untuk membela nasib negara-negara Selatan walaupun prinsip berkecuali sudah tidak begitu bermakna lagi sekarang berikutan ketiadaan konfrontasi blok Timur dan Barat.

Negara-negara Selatan, katanya, akan mudah ditindas sekiranya tiada pergerakan yang boleh memperjuangkan nasib mereka sekarang.

Dr Mahathir berkata negara-negara anggota NAM perlu menentang dasar-dasar yang tidak menguntungkan negara-negara Selatan.

Mengenai cadangan penubuhan sekretariat tetap NAM, beliau berkata Malaysia selaku tuan rumah berharap dapat memainkan peranan sebagai sekretariat tidak formal bagi memajukan kepentingan NAM.

Beliau berkata NAM masih boleh memainkan peranan yang penting dalam membantu negara anggotanya walaupun ia tidak mempunyai agensi-agensi seperti di bawah Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu.

"Walaupun NAM tidak mampu menubuhkan `Unesco'nya sendiri, ia perlu mendapatkan kerjasama agensi-agensi PBB bagi membantunya," katanya.

Peranan NAM bukanlah menubuhkan agensi-agensi seperti itu tetapi mencari kata sepakat di kalangan anggotanya dalam menghadapi sesuatu isu, katanya.

Lagipun, katanya, NAM sentiasa berunding dengan negara-negara maju seperti kumpulan G-8 dalam menyampaikan pendirian dan hasrat pergerakan negara-negara membangun itu.

"Sebagai contoh, Perancis selalu bertanya pendirian kita tentang sesuatu isu dan apa yang negara-negara membangun nak ia sampaikan pada mesyuarat negara-negara maju G-8," katanya.

Mengenai keengganan Qatar selaku pengerusi OIC sekarang untuk mengadakan mesyuarat tergepar bagi membincangkan isu Iraq, Dr Mahathir berkata pemimpin negara-negara OIC yang menghadiri Sidang Kemuncak NAM di Kuala Lumpur perlu mengambil kesempatan itu untuk mengadakan persidangan tidak formal bagi membincangkan isu tersebut.

"Persidangan tidak formal OIC itu boleh diadakan selepas Sidang Kemuncak NAM tanpa dipengerusikan oleh Qatar bagi membincangkan isu Iraq," katanya.

Dr Mahathir mengulangi kekhawatiran Malaysia sekiranya Iraq diserang, puak-puak tertentu akan mempunyai dorongan untuk melakukan keganasan lagi.

Mengenai peranannya sebagai jurucakap Dunia Ketiga, Dr Mahathir berkata: "Yang penting negara, bukan orang perseorangan. Saya akan terus menyuarakan pandangan sekiranya diminta selepas bersara Oktober kelak."

Semasa sidang kemuncak itu berlangsung, beliau meminta rakyat Malaysia yang berbilang kaum menonjolkan keadaan mereka yang dapat hidup aman damai di negara ini dan terus memelihara kebersihan bandar raya ini selepas ianya tamat.

-- BERNAMA

JM MAM ROS